



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PELANCARAN MALAYSIA PRIHATIN: KOMUNITI KRT**  
**VAKSIN UNTUK SEMUA**  
**TARIKH: 25 MAC 2021 (KHAMIS) , MASA: 11.00 PAGI**  
**BERTEMPAT DI BALLROOM MITC**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Lafaz selawat kepada Rasul Junjungan, Nabi Muhammad SAW, yang menjadi ikutan, dan suri tauladan sepanjang zaman.

*Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina Muhammad.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

**TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS;**

**YANG BERHORMAT DATUK WIRA HALIMAH BINTI  
MOHAMED SADIQUE,  
MENTERI PERPADUAN NEGARA;**

**YANG BERHORMAT SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER,  
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA;**

**YANG BERHORMAT DATUK WIRA AR. HJ. ISMAIL BIN  
OTHMAN,  
EXCO PERPADUAN, HUBUNGAN MASYARAKAT,  
TENAGA KERJA DAN HAL EHWAL PENGGUNA;**

**YANG BERBAHAGIA DATUK WAN SURAYA WAN MOHD  
RADZI,  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN  
NEGARA;**

**SETERUSNYA, DIF-DIF KEHORMAT, RAKAN-RAKAN  
MEDIA, SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN.**

## MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan izin-Nya, meskipun masih terikat dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan atau PKPP, kita masih dapat berhimpun di **Majlis Pelancaran Malaysia Prihatin: Komuniti KRT Vaksin Untuk Semua, sekali gus melancarkan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) Negeri Melaka 2021-2030.**

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara kerana berjaya menganjurkan majlis yang berprestij ini demi memperhebat institusi perpaduan negara. Pada petang ini, kita berasa cukup bertuah kerana menerima kunjungan Menteri Perpaduan Negara, Yang Berhormat Datuk Wira Halimah Binti Mohamed Sadique yang sudi bertandang ke negeri bersejarah ini.

***Bunga Kesidang bertangkai lembut,  
Dekat telaga di pohon sagu,  
Tamudatang kita menyambut,  
Rakyat Melaka ramah menunggu.***

3. Kata orang, kecil tapak tangan, nyiru saya tadahkan. Kehadiran Yang Berhormat Datuk Wira memilih Negeri Melaka sebagai lokasi pelancaran program ini amatlah kami alu-alukan. Lebih-lebih lagi Melaka sememangnya cukup sinonim sebagai negeri yang terkenal dengan latar belakang kaum yang pelbagai.



Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Kerajaan Negeri Melaka sentiasa memberi sokongan dan menyambut baik pelaksanaan **Dasar Perpaduan Negara Dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada **15 Februari 2021**. Saya mengalu-alukan teras dan strategi yang terkandung di dalam kedua-kedua dokumen tersebut yang berpaksikan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

5. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri serta hadirin hadirat sekalian, Kerajaan Negeri Melaka baru sahaja melancarkan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) pada 8 mac 2021. Pelan ini mendokong LAPAN FLAGSHIP yang mengandungi keseluruhan perancangan pembangunan Negeri Melaka, Menuju Negeri Lestari 2035.

6. Di bawah **Flagship 8, iaitu Melaka Sejahtera yang terkandung di dalamnya Perpaduan, Kebajikan, Kesihatan, Belia dan Sukan** telah menggariskan beberapa strategi. Antaranya memperkasakan identiti Melaka ke arah perpaduan dengan memanfaatkan kepelbagaian adat dan budaya menerusi pelaksanaan beberapa ***symbolic action*** seperti:
- i. Membina satu pangkalan data indeks ketegangan masyarakat di Negeri Melaka;
  - ii. Kajian pengukuran isu perpaduan masyarakat Negeri Melaka;

- iii. Pernerksaan mediator komuniti;
  - iv. Pewujudan *unity corner*; dan
  - v. Mewujudkan cafe perpaduan.
7. Semua *symbolic action* PSMJ 2035 ini selari dengan Dasar Perpaduan Negara Dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030, yang mana ia bertindak sebagai pemangkin bagi pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu, harmoni dan makmur.

Hadirin dah hadirat yang dihormati sekalian,

## **PERANAN RUKUN TETANGGA**

8. Kita semua sedia maklum, bahawa peranan Rukun Tetangga ini sememangnya amat penting dalam memperkukuhkan agenda perpaduan negara. Sejak tahun 1975 lagi, Rukun Tetangga berfungsi menjaga aspek keselamatan dan ketenteraman awam, seterusnya diperluaskan kepada konsep kejiranan dan kesejahteraan komuniti. Kini, di bawah **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga** yang dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara, saya percaya, melalui Pelan

Pemeriksaan ini, peranan dan fungsi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dalam komuniti dapat dipertingkatkan dan diperkukuh khususnya di Negeri Melaka.

9. Pada sudut lain, Kerajaan Negeri Melaka juga sangat prihatin dan telah memperuntukkan insentif sebanyak **RM179,000** kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di mana **RM1,000** diperuntukkan kepada setiap **Skim Rondaan Sukarela (SRS)** yang aktif di Melaka.

10. Saya difahamkan pada masa ini, terdapat sebanyak **249 buah Kawasan Rukun Tetangga** di seluruh Negeri Melaka dengan jumlah keahlian seramai **6,250 orang**. Saya berharap semangat kesukarelawan yang wujud dalam Rukun Tetangga di negeri ini akan dapat terus diperkasakan melalui kesemua inisiatif yang diperkenalkan melalui Pelan Pemerkasaan Komuniti Rukun Tetangga.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

## **VAKSIN COVID-19**

11. Setakat **23 Mac 2021**, seramai **205,218** iaitu **29.28 peratus** rakyat Melaka telah mendaftar di aplikasi MySejahtera. Ini menunjukkan bahawa, masih ramai lagi individu yang belum mendaftar sebagai penerima suntikan vaksin COVID-19 terutamanya warga emas.



12. Sungguhpun begitu, kerajaan telah menyediakan pelbagai platform dan kaedah untuk mendaftar sebagai penerima suntikan ini. Justeru, saya percaya, program pada hari ini bukan sahaja untuk mendorong komuniti mendaftar penerimaan vaksin, namun untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap keperluan dan keberkesanan suntikan vaksin ini.

## **PENUTUP**

13. Saya menyeru kepada semua untuk sama-sama memainkan peranan menyokong Program Vaksinasi Kebangsaan ini demi memutuskan rantai COVID-19. Saya juga mahukan semua jentera komuniti Rukun Tetangga Negeri Melaka untuk terus memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat setempat.

14. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga Negeri Melaka 2021-2030 dan Program Malaysia Prihatin Komuniti KRT Vaksin Untuk Semua.

Sekian,